



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT


MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA

PARLIMEN KETIGA BELAS

2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU : 15 NOVEMBER 2017




KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.11 HINGGA NO. 53)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



SOALAN NO.: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017

SOALAN :

Dr. Ismail bin Daut minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan selepas Kementerian mengkaji semula kes yang dilakukan terhadap 279 orang pekerja Lembaga Koko Malaysia (LKM) yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah melaksanakan pelantikan khas pada 5 September 2017 bagi melantik semula seramai 279 orang kakitangan bukan tetap. Daripada jumlah tersebut, seramai 230 orang telah menerima tawaran lantikan khas tersebut dan telah mula berkhidmat semula pada 5 September 2017. Baki seramai 49 orang telah menolak tawaran kerana telah berjaya mendapat pekerjaan di agensi/syarikat lain dan atas sebab-sebab peribadi yang lain.

Sekian, terima kasih.

3

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH: 15 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) apakah rancangan jangka pendek dan juga jangka panjang bagi memperkemaskan undang-undang buruh untuk memantapkan tenaga kerja; -
- (b) apakah yang telah dilakukan oleh Kementerian untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

PR-1353-L03009

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang melaksanakan semakan undang-undang perburuhan secara menyeluruh (*holistic review*) bagi menyesuaikan akta-akta sedia ada dengan persekitaran pasaran buruh semasa, menambah baik liputan dan perlindungan serta mewujudkan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja dan keanjalan kepada majikan dalam menjalankan perniagaan.
2. Sebagai langkah permulaan, KSM telah pun mengadakan beberapa sesi libat urus (*engagement*) dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan pelbagai pandangan yang bernalas untuk diadaptasi dalam peruntukan perundangan sedia ada. Sesi libat urus ini juga akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa agar kajian pindaan ini dapat diperkemas dan dimantapkan. Seterusnya, setiap Jabatan berkaitan akan merangka dan menggubal peruntukan di bawah Akta berkaitan yang dicadangkan untuk ditambah baik dan semakan undang-undang perburuhan ini merangkumi semakan dan kajian semula ke atas:
 - (i) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (446)
 - (ii) Akta Kerja 1955
 - (iii) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)
 - (iv) Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76)

- 5
- (v) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966
 - (vi) Akta Kesatuan Sekerja 1959
 - (vii) Akta Perhubungan Perusahaan 1967

3. Bagi Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, satu pindaan telah pun diluluskan pada bulan Ogos 2017 yang antara lain bagi memastikan semua agensi pekerjaan swasta yang menjalankan aktiviti merekrut berdaftar dan mempunyai lesen di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin mengajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* dan berusaha mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu. Setelah terbukti tiada pekerja tempatan yang berminat untuk bekerja, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengeluarkan Sijil Perakuan Pengesahan Majikan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan. Hanya jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan sahaja dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing.

5. Selain itu, penggajian pekerja asing hanya terbuka kepada lima (5) sektor formal iaitu sektor Pembinaan, Pertanian, Perladangan, Perkilangan dan Perkhidmatan (subsektor tukang masak restoran, pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa,

refleksologi, kedi (lelaki) dan pembantu taman tema) yang melibatkan jawatan pekerja am dan satu (1) sektor informal iaitu Pembantu Rumah Asing (PRA). Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing adalah seperti berikut:

- i. Menggalakkan sektor-sektor yang berintensif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Di samping itu, ia akan dapat memastikan pekerja asing tidak melebihi lima belas peratus (15%) daripada jumlah tenaga menjelang tahun 2020 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11);
- ii. Mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* untuk mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu;
- iii. Mempromosi peluang pekerjaan dan memudahcara penempatan pencari kerja tempatan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang dilaksanakan menerusi aktiviti temuduga terbuka semasa Karnival Pekerjaan oleh JTK;
- iv. Melaksanakan program *train and replace* iaitu melatih pekerja tempatan untuk menggantikan pekerja asing yang mahir;

- 1
- v. Meningkatkan aktiviti pemeriksaan berkanun terhadap majikan bagi memastikan majikan mematuhi undang-undang dan kebajikan pekerja terus terpelihara; dan
 - vi. Menambah baik sistem pengurusan pekerja asing sedia ada bagi tujuan pemantauan penggajian pekerja asing di semua sektor melibatkan semua agensi Kerajaan yang berkaitan agar pemantauan yang lebih berkesan dapat dijalankan.

SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI

[BAGAN SERAI]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN :

Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN

MASYARAKAT menyatakan sejah manakah Program Pemulihan

Dalam Komuniti (PDK) di negara ini dapat membantu golongan

orang kurang upaya (OKU) dan masyarakat setempat mengenai

pemulihan dan pembangunan OKU.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) / *Community Based Rehabilitation Programme* (CBR) adalah satu strategi dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan integrasi sosial bagi Orang Kurang Upaya (OKU). Program ini dilaksanakan melalui pendekatan multisektoral dengan penglibatan aktif Orang Kurang Upaya, keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh agensi kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta pemimpin tempatan melalui perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial dengan menggunakan sumber tempatan.

Sehingga kini terdapat sebanyak **544** buah PDK yang memberi manfaat kepada **20,334** OKU di seluruh negara. Melalui program

ini, pelatih-pelatih diberi bantuan dari aspek pemulihan dan pembangunan bagi membolehkan OKU hidup berdikari dan seterusnya turut menyumbang ke arah pembangunan negara.

Bagi memastikan pemulihan dan pembangunan OKU berterusan, Program PDK memberi penekanan kepada pengesanan awal (*early detection*) dan intervensi awal (*early intervention*). Aktiviti ini dapat menentukan pemulihan (*rehabilitation*) yang sesuai dijalankan terhadap OKU berkenaan. Bukan itu saja, pemulihan yang dilakukan dapat mengenalpasti peralatan sokongan yang sesuai dengan OKU di samping memberi tumpuan terhadap aspek penjagaan kesihatan dan pergigian (*medical and dental care*) OKU melalui Program PDK Ku Sihat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia. Ianya penting agar pemulihan dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Selain itu PDK juga memberi ruang luas terhadap pembangunan OKU melalui pelaksanaan Pemerkasaan Ekonomi (*Economic Empowerment Program*) yang telah dilaksanakan di PDK sejak

tahun 2012 dan telah berjaya menjana pendapatan kepada PDK melalui kegiatan ekonomi ke arah kehidupan berdikari. Sehingga Jun 2017 sebanyak **118** PDK telah berjaya menjana pendapatan melalui pengeluaran produk dan perkhidmatan yang melibatkan seramai **556** OKU dalam bidang jahitan, kraftangan, produk makanan ringan, kedai makan dan juga pertanian. Program PDK juga telah berjaya mewujudkan usahawan dalam kalangan OKU yang mampu berdikari dan menjana pendapatan sendiri.

PDK juga telah menyediakan perkhidmatan sokongan pekerjaan kepada OKU demi meningkatkan kelangsungan hidup golongan tersebut. Sehingga Oktober 2017 seramai **516** OKU di PDK mendapat pekerjaan di pasaraya dan dan kedai-kedai runcit yang melibatkan **342** majikan. OKU tersebut telah dibantu oleh seramai **227** *Job Coach* bagi memastikan OKU kekal dalam pekerjaan.

Selain daripada itu, PDK juga telah mencetuskan pembangunan dalam ICT melalui Projek PDKNet yang merupakan program teknologi maklumat dan multimedia yang berfungsi merapatkan

jurang digital bagi OKU dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Program ini memberi peluang kepada keluarga dan masyarakat mengambil bahagian untuk berkomunikasi dan seterusnya membantu dalam proses pemulihan. Sebanyak **150** PDK telah terlibat dengan program ini yang memberi manfaat kepada seramai **1,523** OKU.

Dalam aspek pembangunan sukan, PDK menjadi platform terbaik sebagai pusat pencarian bakat (*talent pool and talent scout*) bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Negara untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan, kemahiran dan kesenian yang melangkaui ekspektasi masyarakat/stakeholders terhadap OKU. Program PDK telah berjaya mengesan potensi bakat dan atlet bagi sukan prestasi tinggi seperti *Paralympics, Special Olympics, ASEAN Para game Kuala Lumpur 2017* dan *Abilympics*.

Jawatankuasa PDK yang ditubuhkan yang terdiri daripada komuniti setempat dalam kalangan ibu bapa/penjaga OKU, pemimpin

tempatan, orang perseorangan, profesional dan kakitangan awam yang berperanan untuk mengendalikan pengurusan di PDK dan dibantu oleh Penyelia dan Petugas PDK. Hasil daripada usaha dan kerjasama mereka ini dapat membantu untuk mempertingkatkan lagi pembangunan pelatih-pelatih OKU di PDK.

Diharap Program PDK akan terus menjadi alternatif terbaik agar OKU terus berdikari pada masa akan datang.

SOALAN NO. : 14

DEWAN RAKYAT
PERLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN:

Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi risiko kawasan di pesisir pantai 'hilang' dan tenggelam akibat kenaikan aras laut sehingga melebihi paras biasa.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah menjalankan kajian unjuran peningkatan aras laut di sepanjang pantai Malaysia pada tahun 2010 berdasarkan Laporan *Intergovernmental Panel Climate Change (IPCC) - Assessment Report 4 (AR4)* (2007).

Bermula 2012, NAHRIM telah menjalankan kajian impak secara terperinci, menggunakan data resolusi tinggi di kawasan yang berisiko tinggi untuk ditenggelami air oleh kenaikan aras laut akibat pemanasan global. Kawasan yang dikaji adalah Batu Pahat, Kelang, Kuala Terengganu, Kuantan, Pekan, Lumut, Pangkor, Langkawi, Sandakan dan Muara Sungai Sarawak. Kajian terperinci ini meliputi keadaan topografi, penilaian terhadap infrastruktur sedia ada, kepadatan penduduk dan kegiatan sosio-ekonomi di kawasan tersebut.

Pada tahun 2016, NAHRIM telah menjalankan kajian unjuran kenaikan aras laut untuk mendapatkan unjuran terkini di sepanjang pantai Malaysia. Hasil kajian menunjukkan unjuran kenaikan aras laut pada 2100 adalah 0.67 – 0.71m di sepanjang pantai Semenanjung Malaysia dengan kadar 10.5-10.9 mm/tahun sementara di sepanjang persisiran pantai Sarawak dan Sabah pula adalah 0.71 – 0.74m dengan kadar 10.9-11.1 mm/tahun.

NAHRIM akan terus menjalankan kajian terperinci untuk lain-lain kawasan berisiko di masa hadapan (dengan menggunakan unjuran kenaikan aras laut yang terkini) sekiranya terdapat peruntukan.

Langkah adaptasi oleh Kerajaan untuk menghadapi risiko kawasan pesisir pantai ‘hilang’ dan tenggelam akibat kenaikan aras laut sehingga melebihi paras biasa adalah melalui pendekatan struktur dan bukan struktur seperti berikut:-

- Perlindungan kawasan pantai melalui struktur seperti *groyne*, *wave breaker* dan *rock revetment*
- Perlindungan tanpa struktur merangkumi tanaman semula bakau, penambakan pasir pantai, memberi khidmat nasihat kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju berkaitan dengan aras lantai dan anjakan pembangunan masa depan menjauhi garis pantai.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO: 15

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh
[Putatan]**

TARIKH : 15 November 2017

**SOALAN : Datuk Dr. Makin Marcus Mojigoh
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**

- i. jumlah bot nelayan lautan dalam (negara ini) yang beroperasi di negara ini serta dimana mereka berpengkalan; dan

- ii. jumlah nilai hasil tangkapan nelayan lautan dalam di negara ini setiap tahun terutama sekali ikan spesis tuna.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 telah menyasarkan pendaratan perikanan marin sebanyak 1.76 juta tan metrik dengan anggaran peningkatan pengeluaran 2.9% setahun. Tangkapan perikanan pantai dijangka menyumbang 65% daripada jumlah tangkapan marin manakala perikanan laut dalam menyumbang 35% pada tahun 2020.

- i. Berdasarkan kepada perangkaan perikanan tahun 2016, jumlah vesel laut dalam (70 Gross Register Tonnage – GRT dan ke atas) yang berlesen di bawah Jabatan Perikanan Malaysia adalah sebanyak 879 buah. Vesel-vesel tersebut didaftarkan di 27 buah daerah perikanan di Malaysia dan berpengkalan di daerah seperti yang ditetapkan di dalam syarat lesen vesel masing-masing.
- ii. Berdasarkan kepada perangkaan perikanan tahun 2016, jumlah pendaratan hasil tangkapan nelayan vesel laut dalam adalah sebanyak 379,087 tan metrik bersamaan dengan nilai berjumlah RM1,759.03 juta.

Bagi pendaratan ikan tuna, sebanyak 76,450 tan metrik ikan telah didaratkan pada tahun 2016 melibatkan tuna spesies Kayu/Tongkol/Aya dan Tuna Oceanik.